



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PERJANJIAN PENSWASTAAN PROJEK PEMBINAAN KEDAI PEJABAT DAN HOTEL DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 31 Julai 2016 – YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor hari ini menyaksikan Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Penswastaaan antara Perbadanan Labuan dan Tetuan Hotel Aifa 2, Wilayah Persekutuan Labuan. Cadangan projek usahasama ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 Julai 2016 setelah melalui beberapa proses penilaian dan sokongan daripada beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan.

2. Dalam kontrak perjanjian usahasama ini terdapat lima lot tanah milik Perbadanan Labuan yang terlibat untuk dibangunkan yang mempunyai jumlah keluasan yang berbeza. Lot tanah yang terlibat adalah TL 207537657 (1023 meter persegi), TL 207516498 (117.054 meter persegi), TL 207516514 (117.054 meter persegi), TL 207516505 (117.054 meter persegi) dan TL 207516523 (114.267 meter persegi). Komponen projek usahasama yang dipersetujui ialah Tetuan Hotel Aifa 2 Sdn Bhd akan membina bangunan kedai pejabat empat unit lima tingkat dengan kemudahan lift kepada pihak Perbadanan Labuan. Kos yang terlibat bagi semua komponen projek ini adalah sebanyak RM10,416,000 juta.

3. Manakala sebagai balasan, Tetuan Hotel Aifa 2 Sdn Bhd akan membangunkan bangunan 14 tingkat hotel dengan jumlah bilik sebanyak 140 buah bilik penginapan

dengan kos sebanyak RM62 juta. Selain itu hotel yang dibangunkan juga dilengkapi dengan kemudahan seperti kolam renang, pusat riadah untuk kecergasan dan beberapa kemudahan lain yang bakal dinikmati oleh pengunjung hotel tersebut. Bangunan ini akan didirikan di atas lot tanah Perbadanan Labuan berkeluasan 1023 meter persegi dan projek ini dijangka siap dalam tempoh 36 bulan.

4. Projek usahasama ini dijangka akan dapat menampung kekurangan bilik penginapan di pulau ini di samping dijangka dapat merancakkan semula pembangunan ekonomi di pulau ini dengan prasarana menarik yang bakal disediakan. Selain itu, lokasi serta struktur ketinggian bangunan ini sudah pasti merubah landskap pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan
31 Julai 2016